



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN RABU, 12 NOVEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	KERAJAAN PERUNTUK RM140 JUTA BAGI PROGRAM PDK TAHUN INI		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kerajaan-peruntuk-rm140-juta-bagi-program-pdk-tahun-ini	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/am/news.php?id=2489603	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2489457	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1312685/ngos-running-community-based-rehab-programmes-can-afford-better-pay	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/pdks-gain-autonomy-to-set-staff-allowances-and-operate-independently/	THESUN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/11/dewan-rakyat-kpwkm-beri-sokongan-keperluan-petugas-pdk/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.youtube.com/shorts/mGRDZShGk5Y	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	RM2.03 BILION DISALURKAN KEPADA LEBIH 562,000 PENERIMA BANTUAN JKM SETAKAT OGOS		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/11/1470277/rm203-bilion-disalurkan-kepada-lebih-562000-penerima-bantuan-jkm	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/parlimen-562116-terima-11-skim-bantuan-jkm-berjumlah-lebih-rm2-bilion/	UTUSAN.COM.MY	
	https://thesun.my/berita/tempatan/rm2-03-bilion-bantuan-jkm-disalur-kepada-562116-penerima-setakat-ogos/	THESUN.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2025/11/11/dewan-rakyat-jkm-salur-bantuan-rm2-6-bilion-tahun-lepas-nancy/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2489430	BERNAMA.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



12/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2489461	BERNAMA.COM	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1312909/rm203bil-disbursed-welfare-recipients-august	NST.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/11/peruntukan-rm2-03-bilion-untuk-562116-penerima-bantuan-jkm/	KOSMO.COM.MY	
	https://thesun.my/news/malaysia-news/people-issues/rm2-03-billion-welfare-aid-disbursed-to-over-560000-recipients/	THESUN.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	NGOS RUNNING COMMUNITY-BASED REHAB PROGRAMMES CAN AFFORD BETTER PAY FOR STAFF		POSITIF
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/11/1312685/ngos-running-community-based-rehab-programmes-can-afford-better-pay	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	PROGRAM WHI 2025 PERKASA USAHAWAN WANITA DALAM INDUSTRI HALAL		POSITIF
	https://www.bernama.com/bm/news.php/sukan/bfokus/news.php?id=2489609	BERNAMA.COM	
	https://www.bernama.com/en/news.php/sports/news.php?id=2489639	BERNAMA.COM	
	https://umno-online.my/2025/11/12/whi-2025-inisiatif-hdc-perkasa-usahawan-wanita-dalam-industri-halal-noraini/	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TALIAN KASIH UBAH PANGGILAN JADI TINDAKAN		POSITIF
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/11/11/talian-kasih-ubah-panggilan-jadi-tindakan	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/11/how-talian-kasih-turns-distress-calls-into-action	FREEMALAYSIATODAY.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA MADANI

12/11/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	KESEDARAN MASYARAKAT TERAS PERLINDUNGAN KANAK-KANAK		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kesedaran-masyarakat-teras-perlindungan-kanak-kanak	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	TEKANAN KEWANGAN, DADAH PUNCA KEGANASAN RUMAH TANGGA		NEUTRAL
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/tekanan-kewangan-dadah-punca-keganasan-rumah-tangga/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BEKAS PESURUHJAYA KEHAKIMAN DIDAKWA CABUL		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2025/11/11/bekas-pesuruhjaya-kehakiman-didakwa-cabul/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/11/1286298/bekas-pesuruhjaya-kehakiman-mengaku-tidak-bersalah-cabul-kehormatan-wanita	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/11/bekas-pesuruhjaya-kehakiman-didakwa-cabul-wanita/	UTUSAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/11/11/bekas-pesuruhjaya-kehakiman-didakwa-cabul-wanita/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.thevibes.com/articles/news/115379/former-lawyer-pleads-not-guilty-to-molesting-woman	THEVIBES.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/11/11/ex-lawyer-claims-trial-to-molesting-woman	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/11/11/former-judicial-commissioner-claims-trial-to-two-molest-charges	THESTAR.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kerajaan peruntuk RM140 juta bagi program PDK tahun ini

Nasional - Dicipta: 11 November 2025 12:47 PM



Datuk Seri Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat / BERNAMA

KUALA LUMPUR, 11 November - Kerajaan memperuntukkan lebih RM140 juta bagi pelaksanaan program Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, peruntukan itu merangkumi bantuan operasi serta pembayaran sagu hati kepada penyelia dan petugas PDK.

Menurut beliau, usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan kerajaan bagi memperkukuh akses pemulihan dan sokongan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

"Buat masa ini, kadar bantuan kewangan sedia ada kepada PDK masih dikekalkan. Bermula 1 Ogos 2025, Perintah Gaji Minimum 2024 telah berkuat kuasa sepenuhnya iaitu RM1,700 sebulan atau RM8.72 sejam kepada pekerja yang layak.

Bantuan kewangan kerajaan bagi subsidi elaun petugas PDK adalah mencukupi untuk menampung 126 jam kadar gaji minimum," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Ahli Parlimen Mersing, Muhammad Islahuddin Abas, pada sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Tambah Datuk Seri Nancy, bantuan kewangan yang disalurkan ketika ini menampung jumlah jam operasi harian PDK, yang kebiasaannya beroperasi empat jam sehari di pusat dan satu hari seminggu bagi sesi rawatan ke rumah.

Jelasnya, berdasarkan kadar elaun semasa dan jam operasi tersebut, elaun yang diterima penyelia serta petugas PDK masih memenuhi kadar gaji minimum yang ditetapkan.

Namun begitu, ujar beliau, kementerian bersedia meneliti dan menambah baik skim sokongan sedia ada bagi memastikan kebajikan petugas PDK terus dijaga mengikut keperluan semasa.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



RM2.03 bilion disalurkan kepada lebih 562,000 penerima bantuan JKM setakat Ogos

BERNAMA - November 11, 2025 @ 2:15pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. - Foto BERNAMA.

KUALA LUMPUR: Sebanyak RM2.03 bilion disalurkan kepada 562,116 penerima bantuan kebajikan yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari Januari hingga Ogos tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata daripada jumlah itu, sebanyak 267,036 penerima adalah lelaki manakala 295,080 wanita.

"Berdasarkan statistik JKM, pada 2022 terdapat 533,167 penerima bantuan didaftarkan dengan peruntukan RM2.46 bilion manakala pada 2023, jumlah penerima meningkat kepada 543,811 orang dengan peruntukan RM2.53 bilion," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Zahari Kechik (PN-Jeli) yang ingin tahu pecahan jenis bantuan melalui JKM kepada rakyat mengikut bilangan jantina, umur, kaum dan kos diperuntukkan dari 2022 hingga 2025 bagi bantuan berkenaan.

Bagi pecahan etnik penerima bantuan hingga Ogos lalu, Nancy berkata sebanyak 316,471 penerima terdiri daripada kaum Melayu, 92,749 (Cina), 61,833 (India), 1,124 (Peribumi Semenanjung), 44,969 (Peribumi Sabah), 39,398 (Peribumi Sarawak) dan 5,621 daripada lain-lain etnik.

Beliau turut memaklumkan kumpulan umur tertinggi penerima bantuan JKM ialah warga emas berusia 60 tahun ke atas, membabitkan 248,831 penerima Bantuan Warga Emas (BWE).

Menjawab soalan tambahan Zahari mengenai golongan rentan yang layak tetapi tidak menerima bantuan, Nancy menjelaskan setiap permohonan dinilai secara teliti melalui siasatan pegawai JKM di lapangan.

"Berdasarkan penilaian dan siasatan dilaksanakan oleh pegawai JKM, terdapat permohonan tidak menepati syarat kelayakan bagi mendapatkan bantuan JKM.

"Antara faktor ialah pemohon bukan warganegara Malaysia, pendapatan keluarga melebihi had kelayakan, mempunyai anak dewasa yang bekerja, masih sihat dan berupaya bekerja serta mempunyai sumber pendapatan sampingan seperti pencen atau bantuan lain," katanya.

Bagaimanapun, Nancy berkata JKM menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan permohonan, termasuk secara dalam talian bagi memastikan bantuan dapat disampaikan kepada mereka yang benar-benar layak.

"Kita ada cara juga, boleh mohon secara dalam talian dan pegawai kita akan turun padang untuk mengesahkan permohonan terbabit. Kalau tidak mampu hadir, boleh juga diwakilkan. Jadi banyak cara yang kita bantu," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



NGOs running community-based rehab programmes can afford better pay for staff

By Iyia Marsya Iskandar, Qistina Sallehuddin November 11, 2025 @ 2:17pm



Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the current government subsidies for staff allowances are sufficient to cover 126 hours at the minimum wage rate of RM8.72. - BERNAMA PIC

KUALA LUMPUR: Community-based rehabilitation (CBR) programmes, which are managed and run by non-governmental organisations, can pay their staff and supervisors higher allowances and are not necessarily bound by government financial assistance.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said the current government subsidies for staff allowances are sufficient to cover 126 hours at the minimum wage rate of RM8.72.

She said the government had allocated more than RM140 million for the programme this year.

"For reference, CBRs typically operate five days a week, with four days at the centre and one day for home visits. They usually operate four hours per day, from 8am to 12pm.

"In this example, CBRs operate no more than 23 days a month, with an average of 21 to 22 days. If a staff member works five hours per day for a maximum of 23 days a month, the current hourly allowance still exceeds the minimum wage of RM8.72 per hour.

"Similarly, the hourly allowance received by supervisors working six hours per day also exceeds the minimum wage.

"CBR management is organised and run as a registered NGO with the Registrar of Societies (ROS). CBR organisations can pay their staff and supervisors higher allowances and are not necessarily bound by the government financial assistance currently provided," she said in the Dewan Rakyat.

Nancy was responding to Muhammad Islahuddin Abas (PN-Mersing) who asked on the ministry's willingness to review the allowance structure for supervisors and staff of CBR to align with the implementation of the minimum wage and in compliance with the Employment Act 1955, following the complaints that CBR staff do not receive equitable wages.

As of Aug 1, the Minimum Wage Order 2024 came into full effect, setting the rate at RM1,700 per month or RM8.72 per hour for eligible workers.

Nancy explained that in January 2021, the honorarium for supervisors in the form of government subsidies were increased from RM1,200 to RM1,500 while staff also saw their honorarium rise from RM800 to RM1,200.

She added that some CBRs provide staff allowances above the RM1,200 monthly government subsidy, while some even pay wages exceeding the RM1,700 minimum wage.

"This demonstrates that a CBR, as a community organisation, can operate flexibly and creatively while looking after the welfare of staff and supervisors without compromising the standard of services provided to trainees, and without relying solely on government assistance," she said.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Program WHI 2025 Perkasa Usahawan Wanita Dalam Industri Halal

11/11/2025 05:58 PM



KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Halal Development Corporation Berhad (HDC) terus memperkasakan golongan wanita sebagai peneraju utama dalam membangunkan ekosistem halal negara, melalui pelaksanaan Program Grand Kick-Off Women in Halal Industry (WHI) 2025: Transformasi Wanita di Dalam Industri Halal.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata inisiatif WHI adalah usaha berterusan kerajaan bersama sektor swasta bagi memastikan golongan wanita terus maju sebagai pemimpin, inovator dan peneraju utama dalam industri halal yang kini dianggarkan bernilai lebih USD3 trilion di peringkat global.

"Program WHI ini bersifat menyeluruh daripada peningkatan literasi halal dan keusahawanan, sehinggalah kepada pembiayaan dan pensijilan halal. Ia mencerminkan usaha negara untuk membangunkan ekosistem halal yang inklusif, kompetitif dan berpaksikan nilai Islam," katanya ketika berucap pada majlis penutup program berkenaan di sini hari ini.

Noraini yang juga Peneraju WHI berkata industri halal kini tidak lagi terhad kepada sektor makanan dan minuman, sebaliknya telah berkembang kepada pelbagai bidang lain seperti farmaseutikal, kosmetik, kewangan Islam, logistik, pelancongan dan fesyen sekali gus membuka lebih banyak ruang kepada penyertaan wanita.

Justeru katanya, program dua hari yang bermula semalam itu menyediakan pelbagai sokongan kepada usahawan wanita termasuk latihan pensijilan halal, bimbingan keusahawanan, akses pembiayaan serta pasaran, selain memberi ruang kepada mereka untuk membangun kepimpinan, keyakinan diri dan rangkaian sokongan secara mampan.

Noraini berkata sejak dilancarkan pada Jun lepas, WHI telah menarik lebih 400 penyertaan usahawan wanita bagi siri pertama, dengan 153 peserta dipilih menyertai program tersebut melebihi tiga kali ganda daripada sasaran asal sebanyak 50 penyertaan.

"Penyertaan ini membuktikan wanita Malaysia bersedia meneroka peluang baharu dalam industri halal dan mempunyai semangat serta keupayaan untuk bersaing di peringkat global," katanya.

Bertemakan "Transformasi Wanita dalam Industri Halal", program itu turut mendapat kerjasama strategik daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) serta Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), yang menyediakan sokongan tambahan melalui latihan kemahiran halal, bimbingan digital dan akses pembiayaan menerusi Halal Integrated Platform (HIP) HDC.

Sementara itu, Pemangku Pengerusi HDC Datuk Azhari Shaari berkata program berkenaan diwujudkan selaras dengan aspirasi Malaysia menjadi Hab Halal Global yang inklusif, mampan dan berdaya saing menjelang 2030, dan wanita sebagai ejen perubahan sosial yang membawa nilai Halal, integriti dan inovasi dalam pelbagai sektor industri.

"Keterlibatan wanita dalam perniagaan bukan perkara baharu. Saya pernah bertemu seorang usahawan muda yang bermula dengan menjual sambal dari dapur rumah dan kini mengeksport produk sedia dimakan ke beberapa negara jiran. Ini membuktikan apabila wanita diberi peluang dan ilmu, mereka bukan sahaja berdikari tetapi juga mencipta peluang untuk orang lain," katanya.

Antara peserta program WHI ialah Pemilik Syarikat UniNoto Sdn Bhd Sharon Chen, yang berpendapat bahawa program berkenaan amat bermanfaat terutama dalam memahami konsep halal dan proses mendapatkan pensijilan halal.

"Sebenarnya ramai orang salah faham tentang konsep halal. Mereka fikir halal hanya bermaksud 'pork free' atau 'alcohol free' tetapi sebenarnya ia lebih daripada itu. Halal berkaitan dengan kebersihan dan pematuhan terhadap protokol serta prosedur dalam operasi syarikat," katanya ketika ditemui Bernama.

Sementara itu, Pemilik Syarikat Dawisy Rizqi Maummy Empire, Nirhayati Amran berkata program itu membantu usahawan memahami cara mendapatkan sijil halal bagi meningkatkan kredibiliti perniagaan selain membuka peluang pasaran di peringkat global.

"Daripada program ini, kita dapat belajar macam-macam, termasuk cara memohon sijil halal dan menyusun dokumentasi dengan betul. Bagi saya ini sangat penting memandangkan saya juga ingin mengembangkan perniagaan saya ke pasaran global," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Talian Kasih ubah panggilan jadi tindakan

YESTERDAY
Danish Raja Reza

Nombor 15999 menjadi talian penting bagi mangsa penderaan, keganasan dan pengabaian.



Talian bantuan 24 jam yang diuruskan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat terima ribuan panggilan setiap bulan berkaitan kes penderaan, pengabaian dan tekanan emosi.

PETALING JAYA: Setiap kali seseorang menghubungi 15999, pegawai terlatih di Talian Kasih akan menjawab panggilan – bersedia mendengar, menilai keadaan dan membantu mangsa mendapatkan bantuan sewajarnya.

Talian bantuan 24 jam ini dikendalikan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang menerima ribuan panggilan setiap bulan melibatkan aduan penderaan, masalah keluarga, dan tekanan emosi.

Setiap panggilan akan diuruskan secara bersepadu, biasanya melibatkan pegawai kebajikan, kaunselor, dan jika perlu, bantuan polis atau hospital.

Menurut Ketua Komunikasi Korporat KPWK, Rozilah Katan, proses bantuan bermula sebaik sahaja panggilan atau mesej diterima.

"Pegawai akan menilai sama ada ia hanya bertanya soalan atau aduan. Jika pertanyaan, maklumat akan diberikan melalui panggilan, WhatsApp atau aplikasi mudah alih.

"Jika ia aduan, pegawai akan merekodkan maklumat penting seperti nama, alamat dan lokasi sebelum dihantar kepada pejabat kebajikan daerah terdekat untuk tindakan pada hari yang sama."

Katanya, siasatan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengikut prosedur operasi standard dan laporan kemajuan tindakan perlu dihantar dalam tempoh 14 hari.

Menurut Rozilah, setiap panggilan dinilai tahap risiko. Kes kecemasan seperti penderaan kanak-kanak atau keganasan rumah tangga akan diberi perhatian segera dan dirujuk terus kepada pihak berkaitan.

"Keselamatan mangsa sangat diutamakan. Identiti mereka dirahsiakan dan tindakan susulan akan dibuat mengikut SOP," katanya.

Semua pegawai Talian Kasih telah mengikuti latihan kaunseling, pengurusan krisis dan cara menangani kes kecemasan seperti penderaan dan keganasan rumah tangga.

"Talian Kasih bukan sekadar tempat mengadu. Ia adalah langkah awal untuk mendapatkan bantuan lanjut," jelasnya.

Setiap aduan dihantar kepada JKJ untuk siasatan dan bantuan di lapangan. Pegawai akan membuat lawatan ke rumah, menilai keadaan dan memberi bantuan seperti perlindungan, bantuan kebajikan atau sesi kaunseling.

Kes yang berisiko tinggi seperti keganasan rumah tangga, penderaan fizikal atau seksual serta pengabaian kanak-kanak akan diuruskan segera termasuk penempatan sementara yang selamat dan sokongan psikologi.

Antara Mei hingga September tahun ini, Talian Kasih menerima:

- 13,243 permohonan bantuan kebajikan
- 11,192 panggilan berkaitan kaunseling
- 3,041 aduan melibatkan kanak-kanak

Dalam temu bual dengan FMT, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Nancy Shukri berkata, kebanyakan panggilan datang daripada kumpulan sasar kementerian seperti wanita, kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya.

"Dari golongan wanita, banyak berkaitan keganasan rumah tangga dan bantuan kebajikan. Ada juga yang bertanya berkaitan program bantuan yang boleh membantu mereka," katanya.

Beliau turut menyatakan semakin ramai rakyat kini berani tampil membuat laporan, termasuk bagi pihak orang lain.

"Itu yang kita mahu – masyarakat saling prihatin."

Nancy berkata kempen "Awak OK Tak?" yang dilancarkan pada 12 Okt bertujuan menggalakkan orang ramai berkongsi masalah dan tidak memendam tekanan.

"Kempen ini bersama Talian Kasih memastikan suara golongan yang memerlukan bantuan didengari dan dilindungi.

"Apabila seseorang hubungi 15999, kita pastikan bantuan tidak terhenti pada panggilan sahaja. Kita akan memantau kes itu sehingga mangsa benar-benar telah diberikan bantuan," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kesedaran masyarakat teras perlindungan kanak-kanak

Nasional - Dicipta: 11 November 2025 10:53 AM



Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang UKM, Dr Fatimah Yusro Hashim

KUALA LUMPUR, 11 November - Undang-undang perlindungan kanak-kanak di negara ini sudah mencukupi, namun pelaksanaannya masih bergantung kepada tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat.

Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Fatimah Yusro Hashim berkata Akta Kanak-Kanak 2001 telah merangkumi semua aspek perlindungan terhadap kanak-kanak termasuk tanggungjawab ibu bapa dan penjaga, namun pengawasan sosial masih menjadi elemen penting dalam mencegah penderaan serta pengabaian.

Menurutnya, sikap masyarakat yang enggan mengambil tahu keadaan sekeliling menjadi antara punca penderaan berlarutan tanpa disedari.

"Jiran-jiran sudah banyak kali dengar anak menjerit, tapi mereka merasakan itu perkara normal atau tidak mahu mengganggu cara pendidikan ibu bapa," katanya ketika ditemui pemberita RTM di Angkasapuri, Kota Media.

Dr Fatimah turut menegaskan bahawa jurang antara undang-undang dan pelaksanaannya bukan disebabkan kelemahan akta, sebaliknya berpunca daripada kekurangan pemahaman tentang tafsiran undang-undang itu sendiri.

"Jurang antara undang-undang dan pelaksanaan memang wujud, tetapi tidak besar kerana kedua-duanya berjalan seiring. Namun, undang-undang perlu difahami secara lebih mendalam, bukan sekadar apa yang tertulis dalam akta, supaya tafsirannya benar-benar membantu pelaksanaan di lapangan," katanya.

Beliau menekankan bahawa perlindungan kanak-kanak tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada undang-undang semata-mata, sebaliknya memerlukan penglibatan aktif masyarakat sebagai pelindung pertama terhadap sebarang bentuk penderaan atau pengabaian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tekanan kewangan, dadah punca keganasan rumah tangga



SALBIAH Mohamed (tengah) ditemui pemberita pada Program Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Peringkat Negeri Perak 2025 di Ipoh.

Oleh ASLIZA MUSA 11 November 2025, 6:45 pm

IPOH: Tekanan akibat masalah kewangan dan penyalahgunaan dadah dikenal pasti antara punca utama berlakunya keganasan rumah tangga terhadap isteri dan anak-anak di negeri ini.

Pengerusi Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Salbiah Mohamed berkata, kebanyakan kes yang direkodkan melibatkan golongan berpendapatan rendah (B40) yang berdepan kesukaran ekonomi dan ketagihan dadah.

Katanya, dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini juga, Perak merekodkan sebanyak 425 kes keganasan rumah tangga, menjadikannya negeri kedua tertinggi selepas Selangor.

"Jumlah itu menunjukkan peningkatan membimbangkan berbanding tempoh sama tahun lalu yang merekodkan hanya 175 kes keganasan rumah tangga dilaporkan kepada pihak berkuasa.

"Dalam hal ini, saya tidak menafikan wujudnya kes-kes yang berlaku, namun peningkatan jumlah laporan itu turut mencerminkan keprihatinan dan kesedaran orang ramai untuk bertindak apabila mengesan sebarang keganasan atau penganiayaan terhadap wanita," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui sempena Program Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Peringkat Negeri Perak 2025 yang disempurnakan oleh isteri Menteri Besar, Datin Aezur Zubir di Mydin Meru di sini hari ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, masyarakat juga perlu mengubah tanggapan 'tidak menjaga tepi kain orang' memandangkan kes yang dibiarkan berlarutan bakal membawa kemudaratan yang lebih besar.

"Pada masa ini, kita dapat lihat banyak isu yang timbul dalam masyarakat apabila sikap keprihatinan jiran dan komuniti sekeliling semakin berkurangan.

"Apabila berlaku sesuatu kes jenayah, ada yang beranggapan ia bukan tanggungjawab mereka kerana tidak terlibat secara langsung, sedangkan ia merupakan masalah sosial yang memberi kesan kepada keseluruhan masyarakat," katanya.

Tambah beliau, sekiranya sesebuah keluarga berdepan masalah, kesannya turut dirasai oleh anak-anak yang mungkin mengalami trauma, terbawa ke sekolah dan mempengaruhi hubungan sosial mereka.

"Apabila perkara ini berlaku, ia boleh menjejaskan keharmonian masyarakat dan pembangunan negara. Jika kes-kes seperti ini dibiarkan tanpa tindakan, tidak mustahil jumlahnya akan terus meningkat," katanya. — UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : NAFI DUA PERTUDUHAN CABUL

HARI : RABU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 12 NOVEMBER 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

BEKAS PESURUHJAYA KEHAKIMAN MENGAKU TIDAK BERSALAH

Nafi dua pertuduhan cabul

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
am@hmetro.com.my

Petaling Jaya

Bekas Pesuruhjaya Kehakiman mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas dua pertuduhan mencabul kehormatan seorang wanita pada Januari lalu.

» INFO

Mohamad Shariff kini bertugas sebagai penasihat undang-undang sebuah agensi kerajaan.

Mohamad Shariff didakwa menggunakan kekerasan terhadap mangsa dengan maksud untuk mencabul kehormatannya.

Tertuduh, Datuk Mohamad Shariff Abu Samah, 66, yang kini bertugas sebagai penasihat undang-undang sebuah agensi kerajaan membuat pengakuan berkeena selepas kedua-dua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Majistret Farah Azura Mohd Saad.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh, Mohamad Shariff di-

dakwa menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa yang berusia 27 tahun itu dengan maksud untuk mencabul kehormatannya.

Kesalahan berkeena dilakukan di kawasan parkir dan ruang lobi sebuah premis perniagaan, Jalan Professor Diraja Ungku Aziz di sini, antara jam 3.44 petang hingga 4.55 petang pada 6 Januari lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman itu jika sabit kesalahan.

Prosiding pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin dan Agharie Durrane Aziz,

manakala peguam Syed Azharul Asiq Syed Azhar mewakili tertuduh.

Majistret Farah Azura kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 dengan seorang penjamin bagi setiap pertuduhan.

Mahkamah menetapkan tarikh 13 Januari tahun depan untuk sebutan kes bagi urusan penyerahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mahkamah Petaling Jaya

Bekas Pesuruhjaya Kehakiman didakwa cabul

Oleh KOSMO! 11 November 2025, 2:54 pm

PETALING JAYA – Seorang bekas Pesuruhjaya Kehakiman (JC) didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas dua pertuduhan mencabul seorang wanita Januari lalu.

Bagaimanapun tertuduh yang berusia 63 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Farah Azura Mohd. Saad.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh yang kini sebagai penasihat undang-undang didakwa mencabul kehormatan mangsa berusia 28 tahun di antara pukul 3.45 dan 4.00 petang pada 6 Januari lalu, dari kawasan parkir sebuah pusat komersial di Seksyen 16 hingga ke sebuah kompleks di Jalan Professor Diraja Ungku Aziz, di sini.

Bagi pertuduhan kedua, dia didakwa mengulangi perbuatan sama terhadap wanita sama di antara pukul 4.45 petang hingga 4.55 petang hari yang sama di ruang lobi sebuah premis perniagaan di sini.

Kedua-dua pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda atau sebatan atau mana-mana dua daripada hukuman tersebut, jika sabit kesalahan.

Dalam prosiding itu, pihak pendakwaan mencadangkan jaminan sebanyak RM8,000 bagi setiap pertuduhan namun peguam bela tertuduh merayu agar jumlah itu dikurangkan.

Majistret Farah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM3,000 bagi setiap pertuduhan dengan seorang penjamin.

Semasa prosiding pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan-Timbalan Pendakwa Raya Raja Zaizul Faridah Raja Zaharudin dan Aqharie Durrane Aziz, manakala tertuduh diwakili peguam bela, Syed Azharul Asiq.

Mahkamah kemudian menetapkan 13 Januari 2026 untuk sebutan semula kes. – KOSMO!
ONLINE